

SURAH NEGERI



Surah: 90 Juzuk: 30 Bil. Ayat: 20

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Aku bersumpah dengan negeri (Makkah) ini.
2. Dan engkau (Muhammad) tinggal di negeri ini (sentiasa ditindas).
3. Demi (pertalian) bapa dan anaknya.
4. Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia berada dalam susah payah.
5. Apakah manusia itu menyangka bahawa tiada sesiapa pun yang berkuasa ke atas dirinya?
6. Dia berkata: «Aku telah menghabiskan harta yang banyak».
7. Apakah dia menyangka bahawa tiada sesiapa pun yang memerhatikannya?
8. Bukankah Kami telah menjadikan untuknya sepasang mata?
9. Dan lidah serta sepasang bibir?
10. Dan Kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan.⁽¹⁾
11. Tetapi dia tidak menempuh jalan yang mendaki dan sukar?

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لَا أَقْسِمُ بِهَذَا الْبَلَدِ ①

وَأَنْتَ حَلِيلٌ بِهَذَا الْبَلَدِ ②

وَالِدٍ وَمَوْلَى ③

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي كَبَدٍ ④

أَيْحَسِبُ أَنْ لَنْ يَقْدِرَ عَلَيْهِ أَحَدٌ ⑤

يَقُولُ أَهْلَكْتُ مَا لَمْ لُبَدًا ⑥

أَيْحَسِبُ أَنْ لَنْ يَرِيَهُ أَحَدٌ ⑦

أَلَنْ نَجْعَلَ لَهُ عَيْنَيْنِ ⑧

وَلِلسَانًا وَشَفَتَيْنِ ⑨

وَهَدَيْنَاهُ النَّجْدَيْنِ ⑩

فَلَا اقْتَحَمَ الْعَقَبَةَ ⑪

1 Dua jalan ialah jalan kebaikan dan jalan kejahatan.

12. Dan tahukah engkau apakah jalan yang mendaki dan sukar itu?
13. (Iaitu) membebaskan hamba.
14. Atau memberi makan pada hari terjadinya kelaparan,
15. (Kepada) anak yatim yang ada hubungan kerabat.
16. Atau orang miskin yang terlantar di atas tanah (sangat fakir).
17. Kemudian dia tergolong di kalangan orang yang beriman dan saling berpesan untuk bersabar dan saling berpesan untuk berkasih sayang.
18. Mereka itulah adalah golongan kanan.⁽¹⁾
19. Dan orang yang ingkar terhadap ayat-ayat Kami, mereka itu adalah golongan kiri.
20. Mereka berada dalam neraka yang ditutup rapat.

وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ ﴿١٢﴾

فَكَرْبَةٍ ﴿١٣﴾

أَوْ إِطْعَمٌ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْغَبَةٍ ﴿١٤﴾

يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ ﴿١٥﴾

أَوْ مِسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ ﴿١٦﴾

ثُمَّ كَانَ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَوَّصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿١٧﴾

وَتَوَّصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ ﴿١٨﴾

أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ ﴿١٩﴾

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِنَا هُمْ أَصْحَابُ الْمَشْأَمَةِ ﴿٢٠﴾

عَلَيْهِمْ نَارٌ مُّؤَصَّدَةٌ ﴿٢١﴾

1 Golongan kanan bermaksud golongan yang akan mendapat syurga.